

## BAB 1 -- PENDAHULUAN

### 1.1 -- Tujuan Kajian

Mengikut akta bagi Orang Asli 1954, iaitu 'Aboriginal People Act - 134', Orang Asli adalah mereka yang berasal dari kumpulan etnik Orang Asli yang menggunakan bahasa Orang Asli dan mengamalkan cara hidup Orang Asli. Mereka merupakan salah satu kelompok masyarakat yang mempunyai kebudayaan yang tersendiri. Adat resam serta sistem nilai mereka yang diwarisi dari nenek moyang juga begitu bitara dan tiada bandingannya. Hood Salleh telah mengatakan bahawa 'they (Orang Asli) are a special category of people, they are not well-defined socially homogeneous community, distinct in significant respect from the rest of the larger social groups in the Malaysia nation state' (Lim & Gomes, 1990:41). Kata-kata Hood Salleh sebagai pengkaji yang mengambil berat tentang hal-ehwal Orang Asli terbukti bahawa Orang Asli merupakan golongan yang lain daripada yang lain.

Di Semenanjung Malaysia terdapat tiga rumpun bangsa Orang Asli iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Masyarakat Semai yang dikaji adalah suku kaum dari rumpun bangsa Senoi. Namun, rumpun bangsa Senoi adalah kumpulan majoriti dengan 39,000 orang di Semenanjung Malaysia (Expression, April, 1991:12). Suku bangsa lain yang digolongkan ke dalam kumpulan Senoi ialah Temiar, Jah Hut, Mah Meri dan Samelai. Rumpun bangsa Senoi kebanyakannya tinggal di tanah-tanah tinggi. Kaum Asli Senoi secara majoritinya terdapat di

bahagian barat-laut Pahang dan Perak. Kaum Senoi juga merupakan kumpulan yang lebih besar dari segi jumlahnya jika dibandingkan dengan suku kaum yang lain.

Setelah Revolusi Perindustrian yang berlaku di Britain dan seterusnya di seluruh dunia pada akhir abad ke 18, pemodenan dan pembangunan telah melanda seluruh dunia secara mendadak mahupun secara beransur-ansur. Orang Asli juga menjadi mangsa yang terhimpit dicelah-celah arus pemodenan. Unsur-unsur adat resam dan sistem nilai yang murni turut berubah kesan daripada diresapi oleh unsur-unsur pemodenan itu. Tujuan kajian tersebut adalah untuk meneliti kesan pemodenan dan pembangunan ke atas adat resam dan sistem nilai.

Tumpuan kajian adalah kepada generasi muda kerana golongan ini lebih terdedah kepada arus perubahan jika dibandingkan dengan golongan tua. Umpamanya, semasa kelahiran, adakah masyarakat tersebut masih berpegang kepada adat-adat dan pantang larang yang diwarisi.

Selain daripada itu, kajian tersebut juga bertujuan mengkaji kesan keatas adat resam dan sistem nilai mereka akibat pembangunan oleh pihak-pihak tertentu khasnya kerajaan. Ini disebabkan kerajaan memainkan peranan penting dalam membangunkan kampung-kampung Orang Asli.

Tambahan lagi, sistem nilai misalnya konsep 'sharing' adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Dipercayai bahawa jika seseorang mementingkan diri sendiri dia akan diserang oleh kuasa luarbiasa atau binatang buas (Gomes,

1986:206). Namun demikian, adakah unsur persaingan yang dibawa oleh pemodenan telah mengubah sikap dan nilai mereka?

Dengan itu, pada akhir kajian tersebut, keputusan yang didapati ialah keupayaan menggariskan perubahan yang telah berlaku akibat proses pemodenan disekeliling kaum Asli Semai.

## 1.2. Kaedah Kajian

Adat resam dan sistem nilai merupakan sesuatu subjek yang abstrak dan tidak dapat dilihat. Ia hanya boleh diceritakan dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Ada juga yang dipraktikkan secara tidak sengaja. Oleh itu, kaedah pemerhatian dan penyertaan (participant observation) digunakan dalam penyelidikan ini. Intipati yang diperlukan adalah diperolehi dengan bercampur-gaul dan memerhatikan subjek-subjek yang akan dikaji.

Kaedah pemerhatian dan penyertaan termasuklah temubual dengan responden-responden untuk memperolehi maklumat. Data yang diperolehi daripada kaedah ini kebanyakannya berbentuk kualitatif yang bertujuan mendapat rumusan dan perangkaan daripada keadaan sebenar mereka.

Responden-responden yang dipilih adalah golongan muda dan tua. Cara ini bertujuan untuk mengumpul maklumat yang berbeza tetapi tertumpu kepada persoalan sama ada seseorang itu mengetahui adat-adat dahulu kala atau yang diturunkan terutama golongan muda dan apa yang mereka amalkan pula. Pengumpulan maklumat tentang adat dan sistem yang diturunkan

dari golongan tua pula bertujuan sebagai kumpulan kawalan.

### 1.3 Kajian Lalu

Kajian mengenai masyarakat Semai telah dilakukan pada tahun 1850 oleh Anderson dan oleh Hale pada tahun 1888. Kedua-dua tokoh ini merupakan pengkaji yang paling awal mengkaji masyarakat ini.

Seterusnya kajian yang lebih khusus mengenai bahasa telah dilakukan oleh Clifford dan Wilkinson. Penyelidikan mengenai bahasa dialek masyarakat Semai juga dikemukakan oleh Leuring (1901) dan Bladge (1903) (Juli Edo, 1988:24)

Pengkaji yang paling banyak menjalankan kajian ialah Robert Knox Dentan pada tahun 1968 dan 1971. Beliau dalam bukunya, The Semai : A Nonviolent People of Malaya telah membentangkan berbagai aspek kehidupan masyarakat Semai.

Berikutan itu, Alan Gordon Fix (1971) dan Clayton Allen Robarcek (1977) telah melanjutkan lagi usaha Dentan. Kedua-dua tokoh tersebut mengkaji masyarakat Semai dari segi struktur penduduk dan keseluruhan masyarakat Semai.

Pada tahun 1986, Alberto G. Gomes telah mengkaji masyarakat Semai di Sampak, Tapah tentang kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh mereka. Beliau mendapati bahawa mereka pada mulanya mengutip buah dan hasil dari hutan tetapi kemudiannya telah melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan ekonomi yang terlibat dengan pasaran dan orang tengah (Gomes, 1986:249 - 250).

Satu kajian yang telah dilakukan oleh Juli Edo yang

berasal dari masyarakat berkenaan telah menunjukkan suatu perubahan yang amat besar pada tahun 1988. Perubahan tersebut mencerminkan bahawa bukan pengkaji Barat yang berupaya mengkaji mereka tetapi terdapat juga seorang intelek dikalangan mereka yang dapat memberi maklumat yang lebih lanjut dan menyeluruh mengenai masyarakatnya sendiri. Beliau telah membentangkan tema-tema yang terkandung dalam sistem agama dan perubahan masyarakat Semai. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa agama dan perubahan adalah berkait rapat dan melalui konsep pantang-larang telah memainkan peranan yang penting dalam bentuk kehidupan sosial, ekonomi dan politik mereka (Juli Edo, 1988:328 - 335).

#### **1.4 -- Masalah Kajian**

H.M. Dahlan dan Shamsul Amri Baharuddin menekankan bahawa suatu kejayaan projek kajian luar memberi implikasi bahawa pengkaji telah berjaya mengatasi suatu revolusi psikologi (Wan, 1980:40). Pendapat beliau memang benar dengan apa yang telah dialami oleh pengkaji. Pengkaji berpendapat bahawa 'revolusi psikologi' adalah termasuk penyesuaian diri kepada persekitaran dan keupayaan mengambil hati masyarakat tempatan yang akan dikaji.

Pada awal kajian, pengkaji berasa amat sukar untuk menyesuaikan diri ke dalam kelompok responden. Mereka memandang serong terhadap pengkaji kerana pengkaji tidak mempunyai persamaan dari segi warna kulit dengan mereka. Misalnya apabila pengkaji hendak bertemubual dengan ibu bapa

seorang budak, dia telah mengatakan bahawa 'Jangan datang, kami miskin. Rumah kami buruk'. Ini jelas menunjukkan mereka mempunyai syak wasangka terhadap pengkaji. Ini mungkin disebabkan oleh kemunculan mendadak pengkaji. Keadaan tersebut tepat dengan pendapat Cheu Hock Tong bahawa perasaan syak wasangka biasanya berlaku dalam suasana pertemuan yang agak mendadak (Wan. 1980:75).

Secara tidak langsung, konflik antara pengkaji dan responden telah berlaku. Konflik dari segi ketidaksamaan status sosial menyebabkan pihak responden menolak kehadiran pengkaji. Walaupun responden melahirkan rasa malu untuk menerima pengkaji, sebaliknya secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa responden memulau pengkaji.

Masalah yang dihadapi hanya dapat diselesaikan apabila pengkaji merendahkan diri terutamanya dari segi pakaian dan juga melakukan apa yang mereka lakukan. Dengan tidak membezakan atau mengasingkan diri dengan mereka akan dapat mengurangkan syak wasangka.

Masalah syak wasangka menjadi semakin renggang selepas pengkaji cuba menunjukkan keinginan untuk mempelajari bahasa dan adat resam mereka. Tindakan tersebut dapat menyakinkan mereka bahawa pengkaji adalah manusia yang sama dengan mereka. Ketika responden tidak memandang serong dan sanggup menerima pengkaji sebagai individu yang sama sahaja dengan mereka barulah penyelidikan dapat diteruskan.

Ketegangan dua pihak berubah lagi apabila pengkaji selalu mengunjungi rumah-rumah responden dan memerhatikan

perlakuan mereka. Tajuk perbualan juga lebih memesong kepada masalah mereka. Pengkaji perlu peka kepada masalah mereka dan meluahkan perasaan simpati serta mengakui masalah yang dihadapi oleh mereka. Dengan itu, dapat diperhatikan bahawa suatu perhubungan yang 'rapport' terjalin.

Masalah komunikasi juga menyebabkan pengkaji tidak dapat melakukan kajian dengan licin. Generasi tua masyarakat Semai tidak berapa memahami bahasa Malaysia. Kadang-kala temubual terpaksa tergendala kerana pengkaji dan responden masing-masing tidak memahami di antara satu sama lain. Masalah bertambah serius lagi semasa memerhatikan majlis perkahwinan yang mana pengkaji terpaksa mencari penterjemah untuk menerangkan apa yang sedang berlaku.

Sememangnya masalah komunikasi tidak menjadi masalah yang akan menghalang pengkajian tetapi masalah yang sebenar adalah revolusi psikologi itu. Untuk menyelesaikan konflik tersebut, teknik-teknik psikologi seperti pendedahan diri, penyediaan menerima sebarang kritikan, merendahkan diri dan pertimbangan kebajikan orang lain perlu diamalkan.



Gambar 2.1 : Pandangan dari barat Perkampungan Sungai Ruil.



Gambar 2.2 : Pandangan dari utara Perkampungan Sungai Ruil.